



MOHD SHOLEH BIN SHEH YUSUFF

## Bacaan Intertekstual terhadap Sumber *Al-Isra'iliyyat* dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*

**IKHTISAR:** “*Tafsir Nur al-Ihsan*” merupakan tafsir kedua selepas “*Tarjuman al-Mustafid*”, yang ditulis dalam bahasa Melayu pada abad ke-19 Masibi oleh Syeikh Muhammad Sa’id Umar. Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengesan dan memperlihatkan pengaruh sumber teks luar yang terdapat di dalam teks “*Tafsir Nur al-Ihsan*” mengenai sumber “*Al-Isra’iliyyat*”. Proses menganalisis “*Tafsir Nur al-Ihsan*” akan menggunakan kaedah bacaan intertekstual yang diasaskan oleh Mikhail Mikhaelovic Bakhtin (1981), serta dikembangkan huraian dan penganalisannya oleh Julia Krestiva (1980). Dari sudut kaedah penyelidikan, kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dan juga lapangan yang menggunakan pendekatan subjektif bagi melihat data secara deskriptif dan kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tujuh buah karya yang telah mempengaruhi intipati teks “*Al-Isra’iliyyat*”, iaitu: “*Tafsir al-Jalalyin*” karya Jalal al-Din al-Suyuti & Jalal al-Din al-Mahalli (1337/1919); “*Tafsir al-Jamal*” karya Sulayman bin ‘Umar al-Ujjayli al-Jamal (t.th.); “*Tafsir al-Baydawi*” karya Nasir al-Din Abu Sa’id ‘Abd Allah Ibn Muhammad al-Shayrazi al-Baydawi (1416/1996); “*Tafsir al-Khazin*” karya ‘Ala al-Din ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Baghdadi al-Khazin (1339/1979); “*Tafsir al-Baghawi*” karya Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Baghawi (1409/1988); “*Al-Jami’ al-Ahkam al-Qur’an*” karya Abu ‘Abdillah Muhamad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1423/2003); serta “*Al-Kashf wa al-Bayan ‘an Tafsir al-Qur’an*” karya Abu Ishaq Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Naysaburi al-Tha’labi (1422/2002). Dapatan analisis juga membuktikan bahawa karya yang mendominasi teks “*Al-Isra’iliyyat*” di dalam “*Tafsir Nur al-Ihsan*” ialah “*Tafsir al-Jamal*”.

**KATA KUNCI:** Sejarah; *Tafsir Nur al-Ihsan*; *Al-Isra’iliyyat*; Bacaan Intertekstual; Prinsip Intertekstual.

**ABSTRACT:** “*Intertextual Reading towards Al-Isra’iliyyat in the Tafsir Nur al-Ihsan*”. “*Tafsir Nur al-Ihsan*” is the second interpretation after “*Tarjuman al-Mustafid*” written in the Malay language in the 19<sup>th</sup> century by Sheikh Muhammad Sa’id Umar. The main objective of this study is to identify the influence of the external source in the text of “*Tafsir Nur al-Ihsan*” about the “*Al-Isra’iliyyat*”. Intertextual reading method is used in the process of analyzing “*Tafsir Nur al-Ihsan*” founded by Mikhail Mikhaelovic Bakhtin (1981), and descriptions developed and analyzed by Julia Krestiva (1980). From the research method, this study is a literature review and field work using the subjective approach which are descriptive and qualitative data. The study found seven works which have influenced the essence of “*Al-Isra’iliyyat*”, they are: “*Tafsir al-Jalalyin*” by Jalal al-Din al-Suyuti & Jalal al-Din al-Mahalli (1337/1919); “*Tafsir al-Jamal*” by Sulayman bin ‘Umar al-Ujjayli al-Jamal (n.y.); “*Tafsir al-Baydawi*” by Nasir al-Din Abu Sa’id ‘Abd Allah Ibn Muhammad al-Shayrazi al-Baydawi (1416/1996); “*Tafsir al-Khazin*” by ‘Ala al-Din ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Baghdadi al-Khazin (1339/1979); “*Tafsir al-Baghawi*” by Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Baghawi (1409/1988); “*Al-Jami’ al-Ahkam al-Qur’an*” by Abu ‘Abdillah Muhamad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1423/2003); and “*Al-Kashf wa al-Bayan ‘an Tafsir al-Qur’an*” by Abu Ishaq Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Naysaburi al-Tha’labi (1422/2002). The finding analysis also shows that “*Tafsir Nur al-Ihsan*” is mostly influenced by “*Tafsir al-Jamal*”.

**KEY WORD:** History; *Nur al-Ihsan* Interpretation; *Al-Isra’iliyyat*; Intertextual Reading; Intertextual Principle.

**About the Author:** Dr. Mohd Sholeh bin Sheh Yusuff ialah Pensyarah Kanan di Kulliyah Al-Qur’an dan Al-Sunnah KUI (Kolej Universiti Insaniah), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia. Alamat emel: [mohdsholeh@insaniah.edu.my](mailto:mohdsholeh@insaniah.edu.my)

**Suggested Citation:** Yusuff, Mohd Sholeh bin Sheh. (2018). “Bacaan Intertekstual terhadap Sumber *Al-Isra’iliyyat* dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*” in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 3(1), February, pp.13-28. Bandung, Indonesia and BS Begawan, Brunei Darussalam: Minda Masagi Press owned by ASPENSI and BRIMAN Institute, ISSN 2443-1776.

**Article Timeline:** Accepted (March 10, 2017); Revised (October 28, 2017); and Published (February 28, 2018).

## PENDAHULUAN

Penulisan karya Islam dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu berkembang seawal kedatangan Islam lagi. Ia melibatkan pelbagai bidang dan cabang ilmu, seperti fiqah, akidah, tafsir, hadith, usuluddin, tasawuf, dan tauhid (Rahman, 1982; Akhtar, 2002; Yusuff & Sahad, 2014; dan Abidin, 2015). Buku-buku itu tetap dirujuk dan digunakan oleh para sarjana untuk tujuan ilmiah dewasa kini; dan ini membuktikan kejayaan ulama terdahulu yang menghasilkan penulisan mereka. Haji Muhammad Sa'id bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi, yang selepas ini disebut sebagai Syeikh Muhammad Sa'id Umar, merupakan salah seorang tokoh ulama yang telah menghasilkan karya yang berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* (1391/1970).

*Tafsir Nur al-Ihsan* menjadi rujukan dalam memahami ayat-ayat *Al-Qur'an*, bukan sahaja oleh orang awam, bahkan juga para ilmuwan semasa turut menggunakannya sebagai bahan pengajaran. Karya yang bernilai tinggi ini telah banyak memberi sumbangan keilmuan kepada masyarakat, yang menyebabkan para sarjana tertarik untuk mengkaji dan membuat penelitian terhadapnya dari pelbagai aspek, seperti sejarah, bahasa, pengaruh, dan ketokohan pengarang (*cf* Umar, 1391/1970; Othman & Faudzi, 2009; Rahman, 2010; dan Yusuff & Sahad, 2014).

*Tafsir Nur al-Ihsan* juga merupakan sebuah tafsir *Al-Qur'an* yang masih digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan sehingga sekarang, terutamanya di institusi-institusi pengajian pondok,<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Antaranya ialah pengajian mingguan di Pondok Tuan Guru Haji Bakar Parit Panjang, Baling, Kedah, Malaysia, oleh Ustaz Zulfikri bin Jaafar, setiap hari Isnin; dan Pondok Tuan Guru Haji Soleh Musa di Sik, Kedah, Malaysia, oleh Tuan Guru Haji Soleh Musa sendiri, setiap hari Jumaat. Temubual

di masjid-masjid, dan di surau-surau. Walaupun begitu, terdapat banyak kritikan terhadap kandungan *Tafsir Nur al-Ihsan* diperkatakan dalam kalangan masyarakat (Umar, 1391/1970; Othman & Faudzi, 2009; Rahman, 2010; dan Yusuff & Sahad, 2014).

Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa penulisan karya itu mempunyai kekurangan, kerana di sana terdapat kekurangan gaya penulisan yang tidak dinyatakan sumber ambilan fakta dan kekurangan yang disebabkan pengarang banyak menggunakan pendapat yang tidak berasas di dalam pentafsirannya (Zaim, 2010; dan Yusuff & Sahad, 2014). Bahkan, Muhammad Ismi bin Mat Taib (2003) telah membuat ketegasan bahawa masyarakat perlu berhati-hati ketika membaca karya *Tafsir Nur al-Ihsan* tersebut (Taib, 2003).

Oleh kerana *Tafsir Nur al-Ihsan* digunakan sebagai bahan pengajaran dalam tafsiran *Al-Qur'an* dan rujukan masyarakat dalam memahami ayat-ayat suci *Al-Qur'an*, maka usaha pemurnian karya ini wajar dilakukan. Salah satu bentuk usaha tersebut adalah melalui kajian berbentuk bacaan intertekstual yang akan merungkaikan ambilan teks dan saling kaitan teks asal dengan teks karya-karya tafsir yang lain. Hal ini akan menjawab permasalahan kajian di atas (Yusuff & Sahad, 2014).

Inilah yang menjadi matlamat penelitian terhadap *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu bagi membuktikan samada wujud pengaruh teks lain kepada teks *Tafsir Nur al-Ihsan* melalui kaedah bacaan intertektual. Dalam artikel ini, kajian

dengan Abdul Razak Haji Othman, mengenai Riwayat Hidup Syeikh Muhammad Sa'id Umar, di Alor Setar, Kedah, Malaysia, pada tarikh 7hb Julai 2012.

hanya memberi fokus kepada aspek *Al-Isra'iliyyat* sebagai satu usaha awal ke arah pemurnian, yang pastinya menyumbang ke arah kesempurnaan karya tersebut.

Dari sudut kaedah penyelidikan pula, kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan juga lapangan, yang menggunakan pendekatan subjektif bagi melihat data secara deskriptif dan kualitatif (Given, 2008; Hasibuan *et al.*, 2010; Allen, 2011; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### *Latar Belakang Pendekatan*

**Intertekstual.** Kaedah bacaan intertekstual pada awalnya dikenali sebagai dialogik, yang mula diasaskan oleh Mikhail Mikhaelovic Bakhtin pada tahun 1926, kerana terdapat banyak karya sastera Rusia yang sukar difahami pada ketika itu (Jung, 1999). Justeru, teori ini diperkenalkan olehnya bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami karya-karya yang sukar itu. Teori ini menggambarkan bahawa semua karya yang telah dihasilkan adalah berdasarkan dialog di antara sesuatu teks dengan teks yang lain (Bakhtin, 1968, 1981 dan 1986; Yusuff & Sahad, 2013; dan Manshur, 2017).

Maksud teori Mikhail Mikhaelovic Bakhtin (1968, 1981 dan 1986) adalah bahawa dengan bahasa yang lebih mudah, suatu teks itu tidak dapat tidak dipengaruhi oleh teks-teks yang lain (*cf* Bakhtin, 1968, 1981 dan 1986; Yusuff & Sahad, 2013; El-Shirazy, 2014; dan Manshur, 2017). Dalam konteks ini pula, Josue V. Harari (1979) menyatakan sebagai berikut:

Every text, being itself the intertext of another text, belong to the intertextual, which must not be confused with a text's origins (Harari, 1979).

Asas teori dialogik itu digunakan bagi memahami karya-karya Fyodor Dostoyevsky, seperti *The Gambler* (1867); *The Idiot* (1869/1975); dan *The Brother's Karamazov* (1880), yang dikatakan sukar difahami oleh masyarakat melalui teori-teori sastera, seperti formalisme yang berkembang ketika itu (Dostoyevsky, 1975; dan Jones & Terry, 2010). Pendekatan formalisme Rusia yang berkembang pada waktu itu, ternyata, tidak membantu masyarakat memahami karya-karya Fyodor Dostoevsky (*cf* Scanlan, 2002; Frank, 2009; dan Jones & Terry, 2010).

Dialogisme daripada Mikhail Mikhaelovic Bakhtin (1968, 1981 dan 1986) menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan, atau bagaimana pengarang mendekati sesebuah karya sastera, dan selepas itu secara naluriah pula akan mengalir ke dalam karya yang dihasilkan. Namun begitu, beliau juga tidak menafikan tentang pentingnya unsur-unsur dalaman, seperti tema, pemikiran, plot, perwatakan, dan lain-lain (Bakhtin, 1968, 1981 dan 1986).

Dalam teori dialogisme itu, pengarang akan berdialog dengan teks itu sendiri, dirinya, dan pembaca. Ini akan menimbulkan dialog antara teks dengan teks, dan mengakibatkan berlakunya perubahan, penentangan, dan perluasan dalam karya yang sedang diolah oleh pengarang, sama ada dari segi tema dan persoalan, plot, atau watak dan perwatakan (Yusuff & Sahad, 2013; dan Manshur, 2017). Justeru, hubungan antara struktur luaran dan dalaman dalam sesebuah karya amat penting dalam pendekatan ini.

Menurut Thomas A. Schmitz (2007), ayat-ayat yang digunakan oleh seseorang

dalam pengucapan atau tulisan saling berhubung kait di antara satu sama lain; dan jika tiada pergantungan antara satu sama lain menyebabkan sesuatu ayat atau pengucapan itu menjadi suram dan tidak dapat dikembangkan (Schmitz, 2007). Thomas A. Schmitz menyatakan lebih lanjut, seperti berikut:

Language always works within certain situations, and utterances produce their significance within thin context. The linguistic material alone is not enough to determine whether a word or a sound is enthusiastic, gloomy, ironical, threatening, or deferential; rather, this depends on a number of factors such as intonation, volume, the interlocutor, and prior utterances in the dialogue (Schmitz, 2007).

Teori itu kemudiannya dibincangkan oleh Julia Kristeva (1980) bagi menerusi sebuah tesis yang bertajuk *La Revolution du Langage Poetique* (Revolusi Bahasa Puisi), untuk ijazah Doktor Falsafahnya di *L'Ecole Pratique des Hautes Etudes*, yang merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi di Paris, Perancis, pada tahun 1970. Namun begitu, Julia Kristeva tidak menamakan teorinya sebagai “dialogik”. Sebaliknya, beliau mengistilahkan kepada “intertekstualiti” (Kristeva, 1980; dan Allen, 2011).

Jeremy Hawthorn (2000) memberitahu bahawa setiap teks yang dihasilkan terpengaruh dengan teks-teks yang lain; dan pengaruh inilah dibahaskan dalam teori intertekstual (Hawthorn, 2000). Oleh itu, pembaca tidak seharusnya menjadi keliru dengan teks asal yang menjadi *hipogram*, atau karya sedia ada yang mempengaruhi penulisan karya baharu, terhadap teks tersebut. Jeremy Hawthorn menjelaskan, sebagai berikut: “*Kristeva defines the text as a permutation of texts, an intertext in the space of a given text*”

(Hawthorn, 2000).

Perkembangan teori intertekstualiti itu bukan sahaja berlaku di Eropah, bahkan meluas di seluruh dunia. Di Asia Tenggara, ia turut dibincangkan sebagai salah satu teori kesusasteraan moden, di mana salah seorang sarjana dalam bidang kesusasteraan, bernama Partini Sardjono (1986) daripada Indonesia, telah mengembangkan teori berkenaan. Beliau bukan sahaja berdiri di atas prinsip-prinsip Julia Kristeva (1980), malah telah memperkenalkan satu lagi prinsip yang diistilahkan sebagai “ekserp”. Prinsip ini berlaku apabila sesebuah teks dijelmakan di dalam teks lain dalam bentuk abstrak (*cf* Kristeva, 1980; Sardjono, 1986; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

Setelah itu, lahir pula nama-nama baru di Indonesia, seperti A. Teeuw (1984) dan Umar Junus (1985). Manakala di Malaysia dan Singapura, ia mula dikenali setelah Mana Sikana (2004, 2006, 2007 dan 2008) membincangkannya menerusi beberapa buah buku mengenai sastera Melayu moden dan pascamodenisme (Sikana, 2004, 2006, 2007 dan 2008). Juga Abdul Rahman Napiah (1994), yang khusus menyelidik dan mengkaji *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti* (Napiah, 1994). Di dalam konteks ini, sama ada Abdul Rahman Napiah (1994) dan Mana Sikana (2004, 2006, 2007 dan 2008) mahupun Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2008) bukan sahaja membincangkan teori intertekstualiti secara panjang lebar, bahkan mengaplikasikannya dalam *Hikayat Hang Tuah* (Napiah, 1994; Sikana, 2004, 2006, 2007 dan 2008; dan Abdullah, 2008).

***Prinsip-prinsip dalam Kaedah Bacaan Intertekstual.*** Berdasarkan

penelitian terhadap buku yang berjudul *Desire in Language: A Simeotic Approach to Literature and Art* (1980) oleh Julia Kristeva; dan *Kakawin Gadjah Mada* (1986) oleh Partini Sardjono bahwa terdapat 10 prinsip intertekstual yang kerap berlaku dalam sastra dan manifestasi yang terbayang dalam cara penulisan seseorang, iaitu:

*Pertama*, transformasi ialah pemindahan, penjelmaan, atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain, sama ada secara formal atau abstrak (Kristeva, 1980).

*Kedua*, prinsip modifikasi berlaku apabila pengarang membuat penyesuaian, perubahan, atau pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks. Prinsip itu berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk mengambil atau meniru sesebuah teks ke dalam teksnya, serta menyesaikannya mengikut kehendak masyarakat, budaya, politik, dan pemikiran pembaca (Kristeva, 1980).

*Ketiga*, ekspansi berlaku apabila pengarang membuat peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks. Contohnya, sebuah cerpen diolah dan dikembangkan oleh pengarang, sehingga ia menjadi sebuah novel yang lengkap (Kristeva, 1980).

*Keempat*, demitefikasi bermaksud penentangan terhadap pengertian dalam teks sesebuah karya yang mundur dan yang muncul lebih awal. Pengarang mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan (Kristeva, 1980).

*Kelima*, haplogi terjadi apabila berlaku pengguguran ketika kehadiran teks-teks ke dalam sesebuah teks. Proses ini berlaku ketika pemilihan dan penyuntingan yang bertujuan untuk menyesaikan sesebuah teks demi keharmonian sesebuah karya (Kristeva, 1980).

*Keenam*, ekserp berlaku apabila teks yang digunakan adalah sama atau mungkin sama dengan intisari sebahagian, suatu petikan, suatu episod, atau aspek dari hipogram atau tipa induknya (Sardjono, 1986).

*Ketujuh*, paralel terjadi apabila berlaku persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan teks yang lain dari segi tema, pemikiran, atau bentuk teks itu sendiri. Prinsip paralel ini memperlihatkan unsur-unsur keselarian dan kesejajaran teks dalam sesebuah teks. Walaupun begitu, pengarang perlu menyatakan sumberambilannya supaya teks yang diambil itu tidak dianggap plagiat (Kristeva, 1980).

*Kedelapan*, konversi terjadi apabila berlaku pemutarbalikan tipa induk atau hipogram, atau pun penentangan terhadap teks yang diambil guna. Unsur penentangan ini tidak sama seperti yang terjadi dalam prinsip demitefikasi. Malah ia tidak begitu radikal dan tidak mengalami perubahan yang agresif atau drastik (Kristeva, 1980).

*Kesembilan*, eksistensi berlaku apabila unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya berbeza dengan teks hipogramnya. Proses ini berlaku apabila pengarang melakukan sesuatu pembaharuan terhadap karya utama yang menjadi landasan dalam penulisan (Kristeva, 1980).

*Kesepuluh*, defamilirasi ialah unsur luar biasa dalam karya. Ia bermaksud usaha pengarang untuk melahirkan unsur-unsur luar biasa dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks yang telah dibaca, seperti penyimpangan dari segi makna atau perubahan peranan watak dalam sesebuah karya (Kristeva, 1980).

Setiap prinsip itu tidak semestinya hadir secara berasingan dalam sesebuah

karya, tetapi ia boleh hadir secara bersama. Contohnya, apabila sesuatu teks karya itu mengalami proses transformasi, maka ia juga mungkin mengalami proses modifikasi, ekspansi, atau apa sahaja prinsip intertekstual dalam masa yang sama (Kristeva, 1980; Sardjono, 1986; Allen, 2011; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

**“Tafsir Nur al-Ihsan”:** *Satu Pengenalan.* *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya terbesar yang telah dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Sa’id Umar (1391/1970), atau nama penuhnya ialah Haji Muhammad Sa’id bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi. Beliau mula menghasilkan karya tersebut pada bulan Zulhijjah, 1344 Hijrah, bersamaan Januari 1925 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibn al-Marhun Sultan Ahmad Taj al-Din Mukarram Shah (1881-1943), Sultan Kedah yang ke-25 (Othman & Faudzi, 2009; Rahman, 2010; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

Penulisan karya itu memakan masa selama dua tahun sembilan bulan untuk disiapkan, dan ia telah berjaya diselesaikan pada hari Rabu, satu Rabiul Akhir 1346 Hijrah bersamaan satu Oktober 1927 Masihi (Umar, 1391/1970). Ia merupakan karya tafsir antara yang terawal dihasilkan di alam Melayu selepas *Tarjuman al-Mustafid* oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli pada abad yang ke-17 Masihi (dalam Abdullah, 2008).

*Tafsir Nur al-Ihsan* mula diterbitkan dengan cetakan pertamanya pada tahun 1934 Masihi di Mekah oleh Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih; dan cetakan kedua pada tahun 1936 Masihi di Pulau Pinang, Semenanjung Tanah Melayu. Cetakan

ketiga karya itu adalah pada tahun 1391 Hijrah bersamaan tahun 1970 Masihi oleh Percetakan al-Muarif Sdn Bhd (Sendirian Berhad), Matba’ah bin Halabi di Fathani; dan Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih di Bangkok, Thailand. Sementara itu, terdapat juga cetakan yang diterbitkan oleh Dar al-Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah di Mesir, pada tahun 1349 Hijrah. Setiap cetakan *Tafsir Nur al-Ihsan* perlu terlebih dahulu mendapat keizinan daripada waris Syeikh Muhammad Sa’id Umar dan tanda keizinan tersebut dapat dilihat di setiap halaman (i) setiap jilid (temubual dengan Abdul Razak Haji Othman, 7/7/2012).

*Tafsir Nur al-Ihsan* yang dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Sa’id Umar dalam empat jilid, dan setiap jilid disusun mengikut surah-surah *Al-Qur’an*. Jilid pertama merangkumi surah *Al-Fatihah* hingga surah *Al-Ma’idah*; jilid kedua merangkumi surah *Al-An’am* hingga surah *Hud*; jilid ketiga merangkumi surah *Al-Kahf* hingga surah *Al-Zumar*; dan jilid keempat merangkumi surah *Al-Mu’min* hingga surah *Al-Nas* (Umar, 1391/1970). *Tafsir Nur al-Ihsan* agak sukar untuk diperolehi di pasaran dan ia hanya dijual di kedai-kedai buku yang tertentu sahaja. Kebanyakan karya yang beredar di pasaran pada hari ini ialah yang dicetak oleh syarikat dari Bangkok, Thailand, berukuran 26.5 cm x 20 cm.

*Tafsir Nur al-Ihsan* bukan sahaja tersebar di bumi Melayu, khususnya di negeri Kedah, bahkan di Perak Utara, Seberang Prai Pulau Pinang, dan juga di Selatan Thailand (Rahman, 2010). *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya tafsir berbahasa Melayu, yang dikarang menggunakan tulisan Jawi, telah memberi banyak manfaat kepada umat

Islam, khususnya di Malaysia, di samping ia juga merupakan satu usaha murni Syeikh Muhammad Sa'id Umar yang telah mewariskannya kepada masyarakat sehingga ke hari ini (Umar, 1391/1970; Othman & Faudzi, 2009; Rahman, 2010; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

Kandungan karya ini adalah lengkap dan menyeluruh mencakupi penerangan mengenai *asbab nuzul* ayat, *fadhilat* surah dan ayat, permasalahan *fekah*, *al-Mutashabihat*, *al-Nasikh*, *al-Mansukh*, serta kisah-kisah umat terdahulu (*cf* Umar, 1391/1970; Othman & Faudzi, 2009; Rahman, 2010; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

**Sumber Isra'iliyyat dalam "Tafsir Nur al-Ihsan".** *Al-Isra'aliyyat* bermaksud data-data yang dipetik oleh ulama-ulama tafsir daripada pendeta Yahudi yang telah memeluk agama Islam; begitu juga *Al-Nasraniyyat* yang diperolehi dari pendeta Nasrani (Rifai, 1992; Dzahabi, 1993; dan Taib, 2003). Sebahagian sahabat di zaman Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) mengambil sedikit data-data tersebut yang berkaitan dengan kisah-kisah umat terdahulu sahaja; tetapi di zaman *tabi'in*, iaitu zaman selepas sahabat, pengambilan data-data itu tersebar luas di dalam kitab-kitab tafsir (al-Dhahabi, 1977). 'Abd Rahman bin Muhammad Ibn Khaldun (2000) bahkan menjelaskan bahawa sumber tersebut kebanyakannya datang dari pendeta *Himyar*, seperti Ka'ab al-Ahbar, Wahab bin Munabbih, dan 'Abd Allah bin Salam (Ibn Khaldun, 2000).

Begitu juga dengan karya *Tafsir Nur al-Ihsan*. Artikel ini memperlihatkan bahawa wujud sumber-sumber tersebut yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Sa'id Umar (1391/1970) di dalam karyanya. Artikel ini membahagikan

sumber-sumber tersebut kepada tiga bahagian, iaitu:

*Pertama*, data-data tentang jumlah bilangan seperti jumlah Bani Isra'il yang keluar dari kampung mereka, kerana serangan taun seramai 4 ribu atau 8 ribu atau 10 ribu atau 30 ribu atau 70 ribu; umur Nabi Nuh ketika diangkat menjadi Rasul ialah 40 tahun atau 50 tahun atau 100 tahun atau 250 tahun; dan ukuran dinding yang dijumpai oleh Nabi Musa dan Khidir, iaitu tinggi 100 hasta, lebar 50 hasta, dan panjang 500 hasta.

*Kedua*, tentang nama-nama tertentu, seperti nama-nama orang yang dihidupkan oleh Nabi Isa dalam membuktikan mukjizat baginda, iaitu 'Azir, Ibn al-'Ajuz, dan Ibnat al-'Ashir; serta nama penuh bagi Ratu Balqis, iaitu Balqis binti Sharahil, dan ibunya bernama Rihanah binti al-Sakin, raja jin.

*Ketiga*, tentang kisah umat terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW, seperti kisah ketika mana Nabi Musa melontar tongkatnya, lalu tongkatnya itu berubah menjadi seekor ular berwarna kuning kelabu; kehadiran ular tersebut mengejutkan Firaun, sehingga membuatkan beliau mengalami cirit-birit yang serius; dan kisah Nabi Yunus yang dimuntahkan oleh ikan paus, lalu Baginda didatangi pula oleh seekor kijang betina yang menyusukan baginda, sehingga kembali bertenaga (Umar, 1391/1970; Taib, 2003; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

Dalam membahaskan data-data *Al-Isra'aliyyat* dan *Al-Nasraniyyat* pula, Syeikh Muhammad Sa'id Umar (1391/1970) menggunakan 32 ungkapan; dan selepas ungkapan itu, beliau terus menyisipkan sumber-sumber tersebut, iaitu seperti berikut:

[...] kata Abdullah bin Salam, adalah, diriwayat, *qala*, riwayat, kata *qil*, kata setengah, kata Syeikh Khamisi, telah sebut Hasan al-Dabighi dalam *Syawq al-Nufus*, kata setengah ulama, kata Kalbi, kata ulama tafsir, kata ulama, kata Wahab, kata *mufassirin*, kata *mufassirun*, kata Ka'ab, dan setengah, satu qawl, maka tatakala, kata Razi, kata Abu al-Su'ud, pada *Jami' al-Usul*, ikhtilaf ulama, kata Hasan Basri kata Ibn 'Abbas, daripada Ibn 'Abbas, kata Abu Musa al-Ash'ari, kata Qatadah, kata Suddi dan Muqatil, Kata 'Urwah bin al-Zubayr, dan riwayat Wahab bin Munabbih daripada Abdullah bin Qulabah (Umar, 1391/1970).

Contohnya, Syeikh Muhammad Sa'id Umar (1391/1970) juga menceritakan tentang negeri *Iram*, yang diduduki oleh kaum 'Ad sepertimana yang telah dinyatakan oleh Wahab bin Munabbih, yang merupakan mantan pendeta Yahudi, bahawa 'Abd Allah bin Qulabah pernah menemui negeri berkenaan, seperti berikut:

Riwayat Wahab bin Munabbih daripada 'Abd Allah bin Qulabah: ia keluar kepada padang negeri Udun cari untanya hilang, tiba-tiba terpancang kepada satu kampung yang ada rumah mahligai kota, di keliling kota beberapa banyak rumah-rumah [...] (Umar, 1391/1970).

Walaupun begitu, terdapat sedikit kelemahan berkenaan riwayat *Isra'aliyyat* yang dinyatakan oleh Syeikh Muhammad Sa'id Umar (1391/1970). Beliau telah menceritakan kisah Syaitan yang menyamar sebagai Nabi Sulaiman AS (*Allaihi Salam*), lalu merampas kerajaan baginda selama 40 hari; dan kisah Syaitan memasuki badan ular, lalu menyelinap masuk ke dalam Syurga yang bertujuan menghasut Adam AS dan Hawa supaya menjamah buah *khuldi*, sedangkan kisah tersebut bertentangan dengan akidah *Ahli Sunnah wal-Jamaah* dan juga merupakan kisah dongeng (cf Umar, 1391/1970; Taib, 2003; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

Hal tersebut disebabkan Syeikh Muhammad Sa'id Umar (1391/1970) telah menggugurkan dua pernyataan penting dari teks hipogramnya. *Tafsir al-Jamal* karya Sulayman bin 'Umar al-'Ujjayli al-Jamal (t.th.), yang merupakan karya hipogram bagi kisah pertama, menegaskan bahawa kisah tersebut bertentangan dengan akidah yang benar, kerana ulama telah bersepakat bahawa Syaitan sama sekali tidak berupaya menyerupai para Nabi (al-Jamal, t.th.); tetapi Syeikh Muhammad Sa'id Umar (1391/1970) telah menggugurkan pernyataan itu (Umar, 1391/1970; Taib, 2003; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

Manakala kisah kedua pula, 'Ala al-Din 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Baghdadi al-Khazin (1339/1979) dan penulis-penulis lainnya mengulas bahawa kisah tersebut hanya kisah dongeng orang Arab yang masyhur semasa zaman jahiliyah (al-Khazin, 1339/1979; Taib, 2003; dan Yusuff & Sahad, 2013 dan 2014).

**Analisis Intertekstual terhadap Sumber "Al-Isra'iliyyat".** Jadual 1 diperolehi hasil penelitian terhadap teks *Tafsir Nur al-Ihsan* secara keseluruhannya terhadap sumber *Al-Isra'iliyyat*. Hasil analisis mendapati bahawa karya-karya yang telah mempengaruhi intipati teks *Al-Isra'iliyyat* tersebut adalah seperti: *Tafsir al-Jalalyn* karya Jalal al-Din al-Suyuti & Jalal al-Din al-Mahalli (1337/1919); *Tafsir al-Jamal* karya Sulayman bin 'Umar al-'Ujjayli al-Jamal (t.th.); *Tafsir al-Baydawi* karya Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah Ibn Muhammad al-Shayrazi al-Baydawi (1416/1996); *Tafsir al-Khazin* karya 'Ala al-Din 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Baghdadi al-Khazin (1339/1979); *Tafsir al-Baghawi* karya Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409/1988); *Al-Jami' al-Ahkam*



**Jadual 1:**  
Senarai *Al-Isra'iliyyat* Bersumberkan *Tafsir Nur al-Ihsan*,  
Jilid Pertama hingga Keempat, dan Teks Hipogramnya

Bil	Juz	Hlm	Judul Tafsir	Juz	Hlm	Prinsip Intertekstual
01	1	32	<i>Tafsir al-Khazin</i>	1	86	Ekserp, Haplologi
02	1	46	<i>Tafsir al-Khazin</i>	1	123	Ekserp, Haplologi
03	1	81	<i>Tafsir al-Baghawi</i>	1	293	Parallel, Haplologi
04	1	81	<i>Tafsir al-Jamal</i>	1	198	Ekserp, Haplologi
05	1	85	<i>Tafsir al-Khazin</i>	1	260	Ekserp, Haplologi
06	1	110	<i>Tafsir al-Jamal</i>	1	261	Parallel, Haplologi
07	1	116	<i>Tafsir al-Jalalyn</i>	1	71	Ekserp
08	1	116	<i>Tafsir al-Jamal</i>	1	278	Ekserp, Eksistensi
09	1	117	<i>Tafsir al-Jalalyn</i>	1	72	Parallel, Ekspansi
10	1	119	<i>Tafsir al-Jamal</i>	1	284	Parallel, Eksistensi
11	1	126	<i>Al-Kashf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Qur'an</i>	1	456	Ekserp, Modifikasi, Haplologi
12	1	173	<i>Tafsir al-Khazin</i>	1	547	Parallel, Haplologi
13	1	201	<i>Tafsir al-Jamal</i>	1	441	Ekserp
14	1	203	<i>Tafsir al-Jalalyn</i>	1	131	Parallel
15	1	217	<i>Tafsir al-Jamal</i>	1	478	Ekserp
